

5



Keberangkatan Tidak Berjadual ke KHEU

6



Integrasi Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum Dilaksanakan

BERITA UTAMA

HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DIRAIKAN DENGAN MAJLIS ILMU

»3

الحادي عشر MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan : Pusat Da'wah Islamiyah

NOVEMBER 2023M

Rabiulakhir - Jamadilawal 1445H
Tahun 35 • Bil 1

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
NOV
31
Orang

Perbincangan
Pengintegrasian Mata
Pelajaran Ugama
ke Dalam Sistem
Pendidikan Umum

Pesara KHEU 2022
Diraikan

Majlis Penghargaan Dan
Doa Kesukuran Bagi
Graduan Biasiswa KHEU

Tingkatkan Kemahiran
Pertuturan
Berbahasa Arab

7 Keputusan Musabaqah
Membaca Al-Qur'an
Bahagian Dewasa
Peringkat Separuh Akhir
Kebangsaan Tahun 1445
Hijrah/2024 Masihi
Diumumkan

8 Perwakilan Negara
Brunei Darussalam
Berangkat Menghadiri
Mesyuarat Pegawai-
Pegawai Kanan Mabims
ke-47

9 10 12
Sekolah Ugama
Rangkaian MIB dan
Jati Diri Negara yang
Dibanggakan



www.kheu.gov.bn




pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293



Doa Rabbana Dalam Al-Quran

Anggota Redaksi

PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Hazey Suzainah binti Haji Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

**ANUGERAH KEAMANAN**

Menikmati kehidupan yang aman dan damai adalah menjadi impian bagi setiap negara di seluruh dunia. Keamanan membawa maksud bebas daripada kacau-bilau seperti perperangan, pergaduhan dan perbalahan. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dikurniakan keamanan dan kemakmuran kepada negara kita. Anugerah keamanan dan keharmonian negara yang kita nikmati perlu disyukuri dan dipertahankan oleh seluruh rakyat dan penduduk kerana semua itu adalah berkat dan rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala juga. Dengan itu, kita perlu menjadi hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dan mentaati perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Agama Islam sangat memelihara kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Agama Islam juga tidak pernah mengajar umatnya berpecah belah dan bermusuh-musuhan sebaliknya menyeru kepada perpaduan dan keamanan. Sama-sama kita berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga keamanan di negara ini akan berterusan dan berkekalan. Semoga seluruh umat Islam di seluruh pelusuk negara mendapat perlindungan dan pemeliharaan serta bebas daripada anasir-anasir atau apa jua bentuk ancaman dan keganasan. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah Aali-'Imraan ayat 103 mafhumnya:

"Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan ni'mat agama Islam), maka menjadilah kamu dengan ni'mat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab ni'mat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah."

DOA MEMOHON KESABARAN DAN MATI DALAM IMAN

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتُوفِّقْنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

MAFHUMNYA:

...Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami dan matikanlah kami sebagai orang-orang Islam.

Surah al-A'raaf, ayat 126

HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DIRAIKAN DENGAN MAJLIS ILMU

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Ilmu 2023.

BERAKAS, Khamis, 9 Jamadilawal bersamaan 23 November –

Sebuah pameran Majlis Ilmu 2023 telah diadakan sempena meraikan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-77 tahun.

Pameran yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ini mengetengahkan kepentingan dalam mengamalkan munajat termasuk pengertian dan konsep munajat berkaitan dengan taubat serta tatacara dan gaya hidup sihat dalam Islam.

Majlis tersebut dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia

Juga menjunjung keberangkatan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat ms. 4

Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Pengurus-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023 iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan buku Mercu Tanda Intelektualisme Raja Kita – Suluh Negara.

3 Dato Seri Setia Awang ms. Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77, berserta isteri-isteri Penasihat dan Pengerusi Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an daripada Surah Al-Anbiyaa', ayat 87 hingga 90 yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Haji Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah. Manakala kesimpulan ayat pula dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Muhamad Adi Adham bin Ramlan. Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023 dan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan mengurniakan titah Perasmian Majlis Ilmu 2023

dan seterusnya melancarkan sebuah buku Majlis Ilmu yang bertajuk 'Mercu Tanda Intelektualisme Raja Kita – Suluh Negara', diikuti dengan sebuah tayangan video mengenai perisian buku tersebut. Buku Majlis Ilmu itu menghimpunkan sejarah-sejarah Majlis Ilmu semenjak ia dianjurkan pada tahun 2004 dan dihasratkan untuk dijadikan sebagai tanda intelektualisme pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta menumpukan usaha baginda untuk menyebarkan ilmu secara pembelajaran sepanjang hayat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, termasuk dalam isu-isu penting seperti keselamatan makanan dan kesihatan mental.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2023.

Buku ini juga antara lain menerangkan mengenai Dasar Majlis Ilmu sebagai mercu tanda intelektualisme, wawasan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, perkembangan Majlis Ilmu sebagai memelihara intelek ummah dalam memperkasa Maqashid Syariah, dan tema-tema Majlis Ilmu yang membentuk dasar dan menyumbang pelbagai ilmu pengetahuan. Seterusnya majlis disusuli dengan Ceramah Khas bertajuk 'Munajat Senegara Dengan Taubat' yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2023.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menyaksikan pameran-pameran tersebut bersama kerabat diraja. ■

KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE KHEU

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

JALAN MENTERI BESAR, Sabtu, 20 Rabiulakhir bersamaan 4

November – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan membuat keberangkatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Pulaie yang juga terlibat dengan program Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum untuk memantau proses pengintegrasian tersebut dengan lebih dekat. ■

Lawatan tersebut dimulakan dengan sembah alu-aluan yang disembahkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meneruskan lawatan ke Sekolah Rendah Pulaie.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan para pelajar Sekolah Rendah Pulaie.

oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan diikuti dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Selepas lawatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama pagi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Pulaie yang juga terlibat dengan program Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum untuk memantau proses pengintegrasian tersebut dengan lebih dekat. ■

INTEGRASI MATA PELAJARAN UGAMA KE DALAM SISTEM PENDIDIKAN UMUM DILAKUKAN

Oleh : Dahlan Chuchu



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan meninjau ke sekolah-sekolah kerajaan dan swasta yg terlibat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Rabiulakhir bersamaan

I November - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan serta rombongan mengadakan lawatan ke beberapa sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di daerah Brunei dan Muara sempena perlaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memantau dan meninjau perlaksanaan proses pengintegrasian tersebut dengan lebih dekat. Selain itu, beberapa perbincangan telah dibuat bersama para pemimpin

sekolah dan guru ugama yg terlibat.

Lawatan tersebut juga memfokuskan kepada peninjauan kemudahan sekolah seperti tempat berwudhu, ruang sembahyang, ruang makan, tempat menunggu dan sebagainya.

Antara sekolah-sekolah yang sempat dilawati oleh Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Sekolah Rendah Delima Satu, Sekolah Rendah Pulaie dan Sekolah Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Sungai Akar. ■



PERBINCANGAN PENGINTEGRASIAN MATA PELAJARAN UGAMA KE DALAM SISTEM PENDIDIKAN UMUM

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memberi penerangan dan nasihat kepada pegawai-pegawai dan tenaga pengajar Jabatan Pengajian Islam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Rabiulakhir bersamaan 7 November

- Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke dalam Sistem Pendidikan Umum telah mula dilaksanakan pada 1 November 2023 yg lalu. Dan dengan dilaksanakan pengintegrasian tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan tenaga-tenaga pengajar di bawah

Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang terlibat di Dewan Chancelor Universiti Brunei Darussalam.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah, diikuti dengan sesi penerangan dan nasihat dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Acara juga diselajurkan dengan sesi soal jawab di antara tenaga pengajar yang hadir bersama pihak

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebanyak 700 orang pegawai dan tenaga pengajar Jabatan Pengajian Islam yg terdiri daripada 145 orang guru besar, 174 orang ketua guru ugama dan 326 orang guru-guru ugama yg terlibat telah hadir di dalam perjumpaan ini.

Turut hadir ke perjumpaan tersebut ialah ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh serta Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pengajian Islam.

Perjumpaan tersebut bertujuan untuk membincangkan dan memastikan proses pengintegrasian tersebut berjalan dengan lancar dan teratur. ■



SESI soal jawab dari salah seorang tenaga pengajar yang turut hadir dalam perjumpaan tersebut.

PESARA KHEU 2022 DIRAIKAN

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Rabiulakhir bersamaan

8 November – Seramai 102 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara sepanjang tahun 2022 telah diraikan dalam sebuah majlis penghargaan bagi mengenang jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir ke majlis tersebut selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir ke majlis tersebut ialah pegawai dan kakitangan KHEU yang menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi tahun 2022 dan 2023, Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam tahun 2022 dan 2023 dan Anugerah Inovasi Perdana bersempena dengan sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke 30.

Majlis yang berlangsung di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, Jalan Residency tersebut dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Faatihah,

diikuti dengan ucapan alu-aluan dan penghargaan dari Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Dalam ucapannya, beliau telah melahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas jasa khidmat bakti, pengorbanan, buah fikiran dan penat jerih yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan mendoakan semoga ibadah pekerjaan dan amal jariah mereka



DI ANTARA tetamu yg hadir pada majlis tersebut.

akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala serta sentiasa mendapat keredaan-Nya.

Selain itu, beliau meyakini bahawa usaha penambahbaikan dan inovasi yang dibuat akan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usaha kementerian berkenaan secara berterusan memperbaiki dan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai.

Beliau juga berharap kementerian akan terus melakar usaha-usaha seumpamanya secara berterusan dengan juga melewati arus pembangunan digital demi mencapai visi dan misi Kementerian Hal Ehwal Ugama ke arah Wawasan Brunei 2035, dengan sentiasa berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Bersara kepada mantan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diraikan dan Sijil Penghargaan kepada para penerima anugerah sempena Hari Perkhidmatan Awam kali ke-29 dan 30 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. ■

MAJLIS PENGHARGAAN DAN DOA KESYUKURAN BAGI GRADUAN BIASISWA KHEU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Rabiulakhir bersamaan

1 November – Seramai 30 orang graduan di bawah Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tahun 2022 dan 2023 telah diraikan dalam sebuah majlis penghargaan dan doa kesyukuran yang bertempat di salah sebuah hotel di kawasan Gadong.

Para graduan ini terdiri daripada tujuh orang graduan yang telah menamatkan pengajiannya pada tahun 2022 dan 23 orang graduan yang menamatkan pengajiannya pada tahun ini. Majlis ini diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas pencapaian cemerlang yang diraih oleh para graduan yg hadir setelah berjaya menamatkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian di dalam dan luar negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah dan Sayidul Istighfar oleh Mohammad Zamery bin Haji Nayan dan seterusnya dilanjutkan dengan ucapan daripada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku pengurus majlis. Dalam



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyampaikan hadiah kepada salah seorang graduan.

ucapannya, Awang Haji Shamshol menyatakan, majlis kendalian Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urusetia Jawatankuasa Biasiswa KHEU melalui inisiatif Program Takreem memfokuskan kepada penghargaan hasil pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan awam di setiap peringkat sama ada pada peringkat rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi. Selain itu, majlis ini juga diadakan sebagai pembakar semangat dan motivasi bagi para pelajar yang masih menuntut di bawah program yang sama untuk terus berusaha dalam mencapai kejayaan dalam bidang akademik.



SESI bergambar ramai.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Bagi menutup acara, hadiah penghargaan telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan disempurnakan dengan bacaan doa selamat.

Dengan adanya majlis ini, diharapkan dapat mendukung Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024, selaras dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu Melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya. ■

TINGKATKAN KEMAHIRAN PERTUTURAN BERBAHASA ARAB

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Penasihat kepada Menteri Pendidikan dan Ketua Pejabat Menteri Pendidikan Kesultanan Oman.

JERUDONG, Selasa, 14 Jamadilawal bersamaan 28 November – Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima

kunjungan hormat daripada Penasihat kepada Menteri Pendidikan dan Ketua Pejabat Menteri Pendidikan Kesultanan Oman, Dr. Saeed Saif Salim Al-Ameri. Majlis tersebut berlangsung di Royal Suite, Parkview Hotel, Kampong Jerudong. Turut hadir pada kunjungan hormat tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Dr. Saeed Saif Salim Al-Ameri berada di Negara Brunei Darussalam selaku Penyelia Am Program Kerjasama Kebudayaan di antara Kesultanan Oman dan Negara

Brunei Darussalam yang berlangsung pada Isnin, 20 November 2023 dan berakhir pada Isnin, 27 November 2023.

Program Pentaksiran dan Penilaian Kemahiran Bertutur Berbahasa Arab Standard merupakan sebuah projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Direktorat Am Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman khusus untuk melaksanakan projek berkomunikasi dalam Bahasa Arab Fushah dalam kalangan tenaga-tenaga pengajar di Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman.

Matlamat utama program berkenaan adalah untuk mengenal pasti keperluan program latihan yang akan datang serta meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Arab Fushah dalam kalangan tenaga pengajar mahupun pelajar-pelajar di persekolahan Arab. Selain itu, program juga bertujuan untuk menilai sejauh mana keupayaan pelajar-pelajar yang dilatih dalam program ini dari segi kemahiran bertutur yang digunakan di dalam bilik darjah. Di samping

itu, program juga bertujuan untuk membentang bengkel pengayaan mengenai kepentingan penggunaan Bahasa Arab Fushah di persekolahan Arab.

Program ini telah ditawarkan melalui Unit Program Ta'zeez kepada pelajar-pelajar dari persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk mengikuti Kursus Komunikasi Bahasa Arab Fushah yang telah berlangsung pada 7 Mei 2023 hingga 2 Julai 2023 secara dalam talian. Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan kepada para tenaga pengajar dan peserta Program Pentaksiran dan Penilaian Kemahiran Bertutur Berbahasa Arab, telah diadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan serta penyampaian sijil.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Faatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan. Diikuti dengan ucapan daripada Ketua Unit Program (Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiah Bil Madaris Al-'Arabiah), Dr. Hajah Norasimah binti Haji Latip selaku Pengerusi Bersama Majlis. Majlis turut diserikan dengan tayangan video dan seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Kesultanan Oman serta peserta daurah yang terdiri daripada 27 pelajar dan 13 tenaga pengajar. ■

daerah yang terdiri daripada 27 pelajar dan 13 tenaga pengajar. ■

KEPUTUSAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN TAHUN 1445 HIJRAH/2024 MASIHI DIUMUMKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



ANTARA seorang qari dan qari'ah yang berjaya melayakkan diri ke pertandingan akhir Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H / 2023M.

**BERAKAS, Khamis, 25
Rabiulakhir bersamaan 9
November** – Telah berlangsung

sebuah Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata bagi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H/2023M di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohamad Adham bin Hashim diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Sy'i'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Umiyat binti Haji Mohammad Noor selaku Pengerusi Bersama Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan nasyid oleh mahasiswa Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah diikuti dengan persembahan bacaan Al-Qur'an daripada wakil peserta qari dan

qariah yang terpilih ke Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Seramai lima orang qari dan lima orang qariah telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2023M.

Selain itu johan menunggu qari, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan johan menunggu qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri juga akan bertanding di peringkat akhir dan menjadikan seramai enam orang qari dan enam orang qariah akan bertanding pada peringkat akhir tersebut.

Keputusan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berkenaan telah diumumkan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku pengerusi jemaah hakim Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh

Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2023M.

Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis dan penyampai hadiah dan cenderamata kepada peserta dan hakim musabaqah dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Pertandingan musabaqah ini dihasilkan agar dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Qur'an mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat untuk berjinak-jinak dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur. ■

PERWAKILAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERANGKAT MENGHADIRI MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MABIMS KE-47

Oleh : Azizah Hidup



PERWAKILAN Negara Brunei Darussalam yang akan menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) MABIMS ke-47 bergambar ramai bersama pegawai-pegawai yang hadir bagi mengucapkan selamat belayar.

BERAKAS, Isnin, 29 Rabiulakhir bersamaan 13 November – Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) MABIMS ke-47 yang berlangsung di Parkroyal On Beach Road, Republik Singapura pada 13 hingga 14 November telah dihadiri oleh perwakilan dari Negara Brunei Darussalam.

Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang dihantar untuk menghadiri mesyuarat tersebut diketuai oleh Ketua SOM MABIMS NBD iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam mesyuarat ini merupakan komitmen negara selaku negara anggota MABIMS. SOM MABIMS kali ke-47 ini membawa tema 'Kesepakatan Dalam Kesinambungan Beragama'.

Rombongan kali ini juga disertai oleh Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim selaku Ketua Sekretariat MABIMS

Negara Brunei Darussalam, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Morshidi selaku Ahli Jawatankuasa Negara Penyelaras Potensi Belia Islam MABIMS dan Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat I di Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail selaku Pegawai Sekretariat MABIMS Negara Brunei Darussalam.

Masing-masing anggota MABIMS termasuk Negara Brunei Darussalam akan membentangkan kertas tema dari negara masing-masing. Dr. Muhammad Yadi bin Haji Mat Yassin, Penolong Pendaftar di Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga merupakan aktivis belia tempatan akan mewakili Negara Brunei Darussalam dalam membentangkan kertas tema berkaitan Bidang Kerjasama Potensi Belia Islam MABIMS melalui perspektif Negara Brunei Darussalam dan Laporan Rancangan Strategik di bawah Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025.


Selain itu, pembentang yang mewakili Negara Brunei Darussalam juga akan membentangkan projek terbitan bersama negara-negara anggota MABIMS yang diselaraskan oleh Negara Brunei Darussalam yang menyentuh mengenai laporan Projek Kerjasama Penerbitan Tafsir 'Ilmi (Ayat-ayat Kauniyyat) MABIMS.

Selain pembentangan tersebut, perwakilan negara juga akan bertukar-tukar pendapat dan pandangan bagi mempertingkatkan lagi perancangan dan penyelenggaraan focus strategic pada peringkat MABIMS.

Rombongan yang sama juga akan menyertai Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke-20 yang akan diadakan pada 15 hingga 17 November 2023 di tempat yang sama. ■

PERTANDINGAN BERZANJI DAN MEMBACA RAWI

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan.

JERUDONG, Khamis, 2 Jamadilawal bersamaan 16 November – Sebuah pertandingan berzanji dan membaca rawi telah diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Pertandingan ini disertai oleh pegawai masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, jemaah masjid, Muslimah masjid, belia dan belianwanis masjid sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaahi wa sallam bagi Tahun 1445H / 2023M diikuti oleh seramai 16 pasukan terdiri daripada tiga pasukan lelaki dan 13 pasukan perempuan dari keempat-empat daerah.

Bagi mulakan majlis, Pegawai Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Muhd. Amaluddin bin Haji Jamaluddin dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa objektif pertandingan antaranya untuk mendedahkan bacaan rawi kepada orang awam terutamanya para pegawai masjid, jemaah, Ahli Jawatankuasa Takmir masjid, Muslimah,

belia dan belianwanis, di samping untuk menjadikan rakyat Negara Brunei Darussalam mengetahui mengenai bacaan rawi ataupun berzanji.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh sebagai tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Majlis juga diselajurkan dengan pelancaran penerbitan sebuah buku bertajuk 'Majmuk Qasidah? Dikir Syarafil Anam dan Berzanji' yang dikelolakan bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong. Buku tersebut diharapkan dapat memberi manfaat kepada orang ramai yang ingin mempelajari dan mendalami cara melantunkan Dikir Syarafil Anam, lagu-lagu qasidah dan berzanji.

Pertandingan ini diadakan adalah bertujuan untuk menarik minat

orang ramai menyertai pertandingan yang bermanfaat ke arah kegiatan memakmurkan masjid dan juga diharap dapat memberikan bimbingan dan pendedahan serta memberikan peluang para peserta untuk mempelajari teknik atau kaedah berzanji dan membaca rawi yang betul agar mampu mempersembahkan berzanji dengan baik dan sempurna sekali gus menambahkan keyakinan kepada para peserta khasnya dalam mengikuti pelbagai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak masjid. Selain mencungkil bakat dan mengetengahkan kebolehan para peserta melalui seni budaya berzanji dan membaca rawi, acara ini juga dihasrat untuk mempertingkatkan mutu persembahan berzanji dan membaca rawi dengan lagu-lagu Arab yang masyhur dan menepati kehendak makhraj dan sifat huruf yang terdapat dalam buku berzanji. ■

JAULAH FIQH AL-USRAH

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



DR. HAJI ADANAN BIN HAJI BASAR, RA'ES KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN (KUPU SB) MENYAMPAIKAN TAKLIMAT JAULAH FIQH AL-USRAH.

Jaulah bertemakan 'Pendekatan Pendidikan Kekeluargaan Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam ke arah melahirkan keluarga harmoni, Negara Sejahtera' ini diantara lain menjelaskan beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam usaha bagi pengukuhan keluarga yang harmoni dan sejahtera termasuk kefahaman mengenai asas Aqidah, kerohanian dan efektif dalam memupuk keluarga yang berkat dan mawaddah, matlamat utama dalam pembinaan sesebuah keluarga, aspek diet sunnah dan prinsip asas sunnah dalam membina kehidupan keluarga yang rahmah serta berkat.

Dengan adanya jaulah ini, diharapkan dapat menjelaskan kefahaman mengenai kepentingan menjadikan institusi masjid sebagai medan tarbiah dari segi mental dan spiritual bagi pembentukan serta pembangunan keluarga yang mesra dan dekat dengan masjid. ■

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 27 Rabiulakhir bersamaan

11 November – Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah melanjutkan Jaulah Fiqh Al-Usrah bagi pegawai dan Kakitangan Jabatan Perdana Menteri.

Jaulah Fiqh Al-Usrah tersebut berlangsung di Dewan Teater, Aras I Jabatan Perdana Menteri dan disampaikan oleh Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Jaulah Fiqh Al-Usrah yang sama juga disampaikan di Dewan Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, Penolong Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath KUPU SB. Jaulah yang berlangsung di STPRI ini dikhatuskan bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Jaulah Fiqh Al-Usrah diadakan bermula pada hari Rabu, 24 Rabiulakhir 1445H

bersamaan 8 November 2023M dan akan berakhir pada hari Sabtu, 11 Jamadilawal 1445H bersamaan 25 November 2023M. Jaulah tersebut juga akan melibatkan beberapa buah kementerian lainnya dan akan disampaikan oleh para akademik KUPU SB.



ANTARA peserta yang menghadiri Jaulah Fiqh Al-Usrah.

MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN BAHAGIAN DEWASA

Oleh : Hazey Suzainah Haji Shaya



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu khas pada sesi petang.

BANDAR SERI BEGAWAN,

Isnin, 22 Rabiulakhir bersamaan

6 November - Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi telah bermula.

Majlis ini berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas selama tiga hari berturut-turut, iaitu bermula hari Isnin, 22 Rabiulakhir 1445H bersamaan 6 November 2023M hingga hari Rabu, 24 Rabiulakhir 1445H bersamaan 8 November 2023M. Musabaqah kali ini disertai oleh 54 orang peserta secara keseluruohnya, yang terdiri daripada 43 orang qari dan 11 orang qariah. 32 orang peserta daripadanya terdiri daripada 27 orang qari dan lima orang qariah telah terpilih melalui peringkat saringan di Masjid Universiti Brunei Darussalam pada 24, 25 dan 26 Oktober 2023M yang lalu. Manakala selebihnya adalah merupakan peserta menunggu dari Musabaqah Membaca Al-Qur'an

Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun lalu.

Musabaqah pada hari pertama memperdengarkan seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada 17 orang qari dan empat orang qariah. Musabaqah ini berlangsung dalam



SALAH seorang peserta yang memerdengarkan bacaannya pada hari pertama Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan berlangsung.

dua sesi yang berbeza sepanjang ianya berlangsung.

Bagi sesi pagi, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas dan sebelah petang pula dihadiri oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diharapkan dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu bacaan al-Qur'an mereka. Di samping membuka minda dan minat masyarakat dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur. ■



Majlis Pengislaman NOVEMBER 2023



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023

13
41.93% Orang

Brunei Muara
Dewasa Kanak-Kanak
4 1
7 1

12
38.71% Orang

Tutong
Dewasa Kanak-Kanak
7 -
5 -

Bagi Bulan
NOV
31

Jumlah Keseluruhan
JAN-NOV 2023
355 Orang


5
16.13% Orang

Belait
Dewasa Kanak-Kanak
3 -
2 -


1
3.23% Orang

Temburong
Dewasa Kanak-Kanak
- -
1 -

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



Features



Sharifah Khadijah
Hussein Alkaff

WHAT'S AT RISK?

When a Muslim woman, a wife and mother leaves her home and her young children for six to eight hours daily, certain things are surely put at risk.

Firstly, let's look at the Muslim woman herself and the qualities she is supposed to possess according to Islam. Dr. Muhammad Ali Al-Hashimi has researched and listed 43 characteristics of the Ideal Muslimah, as defined in the Qur'an and Sunnah and these are:

- She is truthful.
- She does not cheat, deceive or stab in the back.
- She is not envious.
- She is sincere.
- She keeps her promises.
- She has a good attitude towards others and treats them well.
- She is characterized by shyness.
- She is gentle towards people.

- She is compassionate and merciful.
- She is tolerant and forgiving.
- She is easy-going in her business dealings.
- She is of cheerful countenance.
- She has a sense of humor.
- She is patient.
- She avoids cursing and foul language.
- She does not falsely accuse anyone of fisq (transgression) or kufir (blasphemy).
- She is modest and discreet.
- She does not interfere in that which does not concern her.
- She refrains from backbiting and slander.
- She avoids giving false statements.
- She avoids suspicion.
- She keeps secrets.
- She does not converse privately with another when there is a third person present.
- She is not arrogant or proud.
- She is humble and modest.
- She does not make fun of anyone.
- She respects elders and distinguished people.
- She mixes with people of noble character.
- She strives for people's benefits and seeks to protect them from harm.
- She strives to reconcile between Muslims.
- She calls people to truth.
- She is wise and eloquent in her da'wah (Islamic Propagation).
- She is not a hypocrite.
- She does not show off or boast.
- She is straight forward and consistent in her adherence to the truth.
- She visits the sick.
- She repays favors and is grateful for them.
- She mixes with people and puts up with their insults.
- She tries to make people happy.
- She guides others to righteous deeds.
- She is easy on people, not hard.

The above are qualities stipulated by Allah Subhanahu wa Ta'ala and mentioned by His Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam so the question that begs asking is, *are any of the above qualities threatened, compromised or diminished in a Muslim wife and mother who goes out to work?* In other words, can a working Muslimah be an Ideal Muslimah or does her job and the responsibilities it entails, prevent her from becoming one? It is one thing not to meet the expectations of one's family, friends and the society at large but it is quite another not to meet Allah's expectations of us. Should, upon reflection, we realise we are less of an ideal Muslimah on account of our work, then shouldn't we seriously evaluate and reconsider and look at other options? One such option is Work At Hom Mums (WAHM).

Minda Islam

7 Muslimah
Paling Berpengaruh
Dalam Sejarah Islam

1 Khadijah binti Khuawalid

Isteri pertama Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan wanita pertama yang memeluk agama Islam serta orang pertama yang mengakui kenabian Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.

2 'Aisyah binti Abu Bakar

Isteri termuda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan merupakan anak kepada sahabat baginda, Abu Bakar. Beliau salah seorang perawi hadits ternama serta mempunyai pengetahuan yang luas tentang hukum syari'ah dan hadits.



Dabith Ghanim

ضابط غام

Yang kuat ingatan, Yang mengatur, Mengawas, Yang dapat mencapai sesuatu

Dzimar Ghafran

ذمار غفران

Kehormatan diri,
Kemuliaan, Keampunan

Dzalil Ghirar

ذليل غرار

Yang bersikap patuh,
Merendah diri, Contoh,
Teladan, Yang diikuti

3 Fatimah al-Zahra' binti Muhammad

Puteri Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang terkenal dengan keshalihan, keberanian dan dedikasi kepada keluarganya.

4 'Asma binti Abu Bakar

Puteri dari Abu Bakar as-Siddiq dan kakak kepada Sayidatina Aisyah Radhiallahu 'anhу. Merupakan salah seorang sahabat Rasulullah yang paling awal memeluk agama Islam, terpelajar serta mempunyai integriti, ketabahan dan keberanian yang tinggi.

5 Nusaiba binti Ka'b al-Anshariyyah

Dikenali sebagai Umm 'Ammara, antara orang terawal yang memeluk agama Islam dan merupakan salah seorang sahabat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang paling setia. Pernah mengambil bahagian dalam Perang Uhud dengan membawa pedang dan perisai melawan orang kafir di Mekkah.

6 Ummul Darda Hujaima binti Uyyay al-Sughra

Merupakan cendikiawan perempuan muslim yang terkenal di generasi kedua setelah masa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Seorang perawi hadits, guru serta ahli hukum yang mencatat dan menyampaikan hadits dari Sayidatina Aisyah Radhiallahu 'anhу, Salman al-Farsi, Abu Hurairah dan sahabat lainnya.

7 Rabī'atul 'Adawiyyah

Terkenal sebagai salah seorang ahli sufi yang terkenal dalam Islam dan pendiri aliran Sufi 'Clnta llahi' yang menegaskan kecintaan terhadap Allah.

NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit



Hadits Riwayat Imam al-Baihaqi dalam kitab sunannya, daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah ia mengelokkan namanya dan mengelokkan adabnya..."

Durriyah Ghizwati

درية غزوي

Yang terang dan bercahaya seperti Mutiara, Tujuanku



MUNAJAT SENEGARA DENGAN TAUBAT

“ Maka adalah menjadi kewajipan bagi siapa yang melakukan kesalahan dan dosa, untuk segera bertaubat kepada Allah Subhanahu wa Ta'a la tanpa bertangguh, kerana peluang yang ada hari ini belum tentu ada pada hari esok.

Taubat tidak hanya semata-mata dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan, menyesali perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi, bahkan taubat juga mengandungi banyak faedah yang sukar dicapai oleh akal manusia. Antaranya, dengan taubat, dosa terhapus, bala bencana dan musibah terangkat serta azab tertolak. ”




AKHLAK NABI TERHADAP KELUARGA

Mengajak beribadat

Dari Sayidatuna 'Aisyah Radhiallahu 'anhа katanya:
Adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam sembahyang (malam)
sedang aku dalam keadaan tidur melintang di hamparannya, maka
apabila baginda hendak mengerjakan sembahyang witir, baginda
membangunkan aku kemudian aku pun bersembahyang witir."

Terjemahan Makna Hadits Riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim



Swipe next →

SEKOLAH UGAMA RANGKAIAN MIB DAN JATI DIRI NEGARA YANG DIBANGGAKAN

Oleh: Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika membuat lawatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Rabiulakhir bersamaan

4 November—Dalam keberangkatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan titah mengenai program Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum yang telah dijalankan bagi para penuntut di peringkat pra hingga darjah III sekolah ugama.

Dalam titah tersebut juga, baginda menegaskan bahawa tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah ugama memandangkan sekolah ugama itu sendiri merupakan rangkaian dari falsafah kebangsaan

Negara Brunei Darussalam iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) dan ianya juga merupakan salah satu jati diri negara yang dibanggakan.

Turut ditegaskan bahawa integrasi yang baginda mahukan ialah sekolah ugama dikemas, dikemaskan sistem, disesuaikan mata pelajarannya selaku sekolah rendah, dikaji, ditimbang dan dihalusi secara profesional sebagai salah satu perubahan ke hadapan dan perkembangan yang sempurna, bukan dibuat secara asal ada atau rambang.

Keinginan baginda dalam pengintegrasian yang dimaksudkan dapat membantu para penuntut untuk menyesuaikan diri dan tidak memberatkan mereka dalam memahami pelajaran. Ianya sangat

perlu agar para penuntut tidak terus-menerus merasa terbeban dengan pelajaran yang mereka pelajari sehingga mengganggu emosi dan mental para pelajar. Bukan seperti pemahaman orang ramai yang menyatakan pelajaran ugama adalah punca kerosakan mental para pelajar tersebut.

Maka dengan itu, baginda berharap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan dapat sama-sama memantau dan membuat penilaian saksama mengenainya. Selain itu Kebawah Dulu Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyatakan akan terus-menerus memantau perjalanan dan perlaksanaan sistem integerasi ini.